

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KETUA MENTERI SARAWAK YAKIN RAKYAT SOKONG BN

KUCHING, Jumaat — Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, hari ini menyatakan keyakinan rakyat akan menyokong Barisan Nasional.

Bellau berkata, kepimpinan baru di bawah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, merencanakan lagi rancangan-rancangan pembangunan dan ia mendapat sambutan positif dari orang ramai.

Datuk Patinggi Taib

memberitahu demikian dalam sidang akhbar menjelang genap satu tahun bellau menjadi Ketua Menteri.

Katanya, bellau yakin Perdana Menteri akan dapat memenuhi kehendak BN dalam menguruskan Kerajaan yang bersih, lalin dan amanah.

Mengenal persediaan menghadapi pilihanraya umum, Datuk Patinggi Taib berkata, bellau akan menemu Datuk Seri Dr. Mahathir pada 3 April untuk membincangkan pemilihan calon-calon bagi semua parti komponen BN di Sarawak.

Nama-nama calon tersebut akan diumumkan dua hari kemudian.

"Pada masa ini, saya hanya dapat menyatakan bahawa dua atau tiga muka baru akan dikemukakan oleh PBB (Parti Pesaka Bumiputera Bersatu)," kata Datuk Patinggi

Taib, yang juga Pengerusi parti itu.

Walaupun bellau tidak dapat bercakap bagi pihak Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), keduanya komponen BN, bellau berkata pertukaran calon-calon akan dibuat jika didapati perlu.

Bellau memberi amaran adalah menjadi amalan PBB menyingkir mana-mana ahli BN yang bertanding melawannya.

Ketua Menteri itu juga tidak dapat mengesahkan sama ada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui tidak akan bertanding dalam pilihanraya ini.

Datuk Patinggi Taib berkata, DAP tidak mempunyai masa depan di Sarawak kerana parti itu tidak pernah berjuang untuk kepentingan negeri ini.